200201003726 (571389-H)

# KENYATAAN TENDER

Syarikat yang memenuhi syarat-syarat berikut adalah dipelawa untuk menyertai Tender di bawah:

(i) Syarikat Berdaftar Malaysia (Tenderer perlu mengemukakan Borang 9, Akta Syarikat 1965 atau Borang Permohonan Pendaftaran - Seksyen 14 Akta Syarikat 2016 yang dikeluarkan oleh SSM;
(ii) Sendirian Berhad (Sdn Bhd) atau syarikat Berhad;
(iii) Perisytiharan sebagai Prinsipal / Surat Kuasa dari Prinsipal bagi semua Item yang ditawarkan;
(iv) Setiap Petender dibenarkan mengemukakan hanya satu (1) Cadangan untuk Tender ini.
(v) Prinsipal (Jenama) boleh mengemukakan satu (1) Cadangan dan boleh juga memberi kuasa kepada Pengedar/Penjual Semula untuk mengemukakan Cadangan, menawarkan jenama mereka. Maksimum dua (2) Cadangan daripada Prinsipal (Jenama) yang sama akan diterima untuk latihan Tender ini.

| TAJUK & RUJUKAN | TARIKH DOKUMEN | TAKLIMAT TENDER | TARIKH & MASA TUTUP | PENYERAHAN TENDER |
|---|---|---|---|---|
| **TAJUK:**<br><br>**TENDER FOR THE SUPPLY OF WIRELESS HOME PHONE (WHP)**<br><br>**REFERENCE:**<br><br>**LPM/2023/T/05/A1M/WHP** | **4 Januari 2024 (Rabu)**<br><br>sehingga<br><br>**5 Februari 2024 (Isnin)**<br><br>***Nota:***<br>1. *Syarikat dibenarkan untuk menyemak dokumen tender sebelum membuat keputusan untuk menyertainya.*<br>2. *Syarikat tersebut hendaklah menghantar Non-Solicitation Undertaking and Non-Disclosure Agreement (boleh didapati daripada Tender Summary) melalui e-mel kepada Wakil Sah TM.*<br>3. *TM akan menghantar pautan untuk melihat dokumen tender dalam masa dua puluh empat (24) jam (hari bekerja).*<br>4. *Dokumen Tender boleh dilihat secara dalam talian pada waktu perniagaan sahaja (9.00 pagi hingga 5.00 petang)*<br>5. *Wakil Sah TM:*<br>*i. Iffa Sharuddin*<br>*iffa.sharuddin@tm.com. my*<br>*ii. Roslinda Kasim*<br>*roskasim@tm.com.my* | Tarikh :<br>**8 Januari 2024 (Isnin)**<br><br>Masa :**2.00 petang**<br><br>Tempat : **Virtual via Microsoft Teams**<br><br>***Nota:***<br>*Syarikat yang berminat untuk menyertai taklimat Tender hendaklah menghantar Non-Solicitation Undertaking and Non- Disclosure Agreement melalui e- mel kepada Wakil Sah TM selewat-lewatnya sebelum* ***5 Januari 2024 sebelum pukul 12.00 tengah hari.*** | **7 Februari 2024 (Rabu)**<br><br>**sebelum**<br><br>**12.00 tengah hari** | (i) Petender haruslah menyerahkan kertas cadangan yang lengkap menggunakan ***SOFTCOPY*** melalui pautan **OneDrive** dan setiap helaian dokumen perlu ditandatangani secara digital.<br><br>(ii) TM akan menghantar e- mel pada **5 Februari 2024 (Isnin)** berkaitan pautan **OneDrive bersama kod akses** bagi tujuan penyerahan kertas cadangan.<br><br>(iii) Semua kertas cadangan wajib dihantar sebelum **7 Februari 2024 (Rabu)** sebelum **12.00 tengah hari** waktu Malaysia. Kelewatan penyerahan kertas cadangan pada waktu dan tarikh yang telah dinyatakan di atas tidak akan dilayan. Semua kos yang berkaitan dengan Tender akan ditanggung sepenuhnya oleh Petender.<br><br>(iv) Salinan asal deposit Tender ('Tender Deposit') mestilah dihantar melalui tangan pada **8 Februari 2024** di alamat dibawah:<br>**Level 10, Group Procurement, TM Annexe 2, Jalan Pantai Jaya, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia** |

Hanya satu (1) tawaran Tender adalah dibenarkan daripada mana-mana syarikat yang ada kaitan dengan Petender sepertimana yang termaktub dalam definisi di Akta Syarikat 2016 dan/atau *enterprise* sepertimana yang termaktub dalam definisi Akta Persaingan 2010. Jika (i) Petender adalah sebahagian daripada syarikat-syarikat yang berkaitan dan syarikat-syarikat berkaitan tersebut adalah sepertimana yang termaktub dalam definasi di Akta Syarikat 2016; dan/atau (ii) Petender dan syarikat-syarikat berkaitan termaktub di dalam definisi "*Enterprise*" di dalam Akta Persaingan 2010, Petender tidak boleh menyertai dan mengemukakan tawaran Tender yang sama bagi tujuan Tender yang dinyatakan di atas. Sebarang pelanggaran syarat ini boleh mengakibatkan tawaran Tender ditolak atau dibatalkan.